

# Pemuda perjelas isu perbincangan: Khairy

Isi kandungan perlu tepati kehendak, selari perjuangan parti



Oleh Mohd Amin Jalil

**S**EREMBAN: Pergerakan Pemuda Umno sudah memberi taklimat kepada perwakilannya dari setiap negeri mengenai isi kandungan perbincangan yang akan dibentangkan wakil mereka pada Perhimpunan Agung Umno, mulai 13 hingga 17 November ini.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin, berkata langkah itu diambil bagi memastikan isu yang akan dibincangkan wakil Pemuda negeri, menepati kehendak serta selari dengan perjuangan pergerakan itu.

"Saya yakin banyak isu akan disentuh termasuk ekonomi, pendidi-

kan dan sosial serta semua ada kaitan agenda Melayu yang memerlukan komitmen dan kesungguhan tinggi.

"Yang penting ia harus selari dengan kehendak perjuangan Pemuda... bahawa usaha memartabatkan bangsa Melayu adalah agenda utama yang sentiasa menjadi asas perjuangan," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bendera kepada pasukan bola sepak Pemuda Umno Negeri Sembilan bagi menyertai Liga Bola Sepak Pemuda 2006 di Bangunan Umno negeri di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Umno Negeri Sembilan, Datuk Azman Hasan dan Ketua Pemuda negeri, Datuk Jamlus Aziz.

Sehubungan itu, Khairy yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Rembau berkata, perbincangan wakil Pemuda negeri akan bertumpu kepada perjuangan sebenar pergerakan khususnya agenda Melayu dan memar-

tabatkan bangsa.

Sementara itu, di KUALA LUMPUR, *Bernama* melaporkan Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad, berkata pergerakan itu akan tampil pada perhimpunan agung dengan satu nada tegas untuk menyatakan sokongan kepada kepemimpinan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, Puteri Umno yang kini mempunyai 300,000 ahli mahu menyampaikan mesej mahukan kepemimpinan Abdullah disokong semua peringkat.

"Biarlah perhimpunan kali ini menyampaikan satu mesej sokongan sebulat suara Umno tanpa sebarang keraguan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri," katanya di sini, semalam.

Noraini berkata, Puteri akan membangkitkan isu sosial terutama yang membabitkan keruntuhan akhlak generasi muda serta mahu mengatur strategi untuk menghadapi pilihan

raya umum akan datang.

Di JAKARTA, *Bernama* melaporkan Perhimpunan Agung Umno minggu depan mendapat perhatian parti politik Indonesia.

Terbaru, parti politik terbesar Indonesia, Parti Golongan Karya (Golkar) menyatakan keinginannya untuk mencontohi Umno yang menjadi tulang belakang pemerintahan Barisan Nasional (BN) di Malaysia.

Penyelaras Wilayah Parti Golkar bagi Aceh dan Sumatera Utara, Drs Burhanuddin Napitupulu, memberikan alasan tersendiri terhadap keinginan yang dinyatakannya itu ketika merasmikan mesyuarat Golkar Sumatera Utara di Medan, malam tadi.

Beliau dipetik agensi berita *Antara* sebagai berkata Golkar ingin menjadi seperti Umno di Malaysia dan LDP di Jepun yang mampu membuktikan diri sebagai parti yang kuat, dominan dan selalu dicintai masyarakat.